

## FAQ PROGRAM GRADUATE EXECUTIVE MARKETER FOR SIMPAN SSPN PLUS (GEMS)

### BAHAGIAN 1 PENGENALAN, KONSEP DAN KELEBIHAN PESERTA GRADUATE EXECUTIVE MARKETER FOR SIMPAN SSPN PLUS (GEMS)

#### 1) Apakah program Graduate Executive Marketer for Simpan SSPN Plus (GEMS)?

Program GEMS atau dikenali sebagai program Graduate Executive Marketer for Simpan SSPN Plus adalah dibawah Program Dana PENJANA KPT-CAP bertujuan untuk melatih peminjam PTPTN dalam ilmu keusahawanan dan pemasaran digital disamping menjana pendapatan. Melalui program ini, PTPTN berkerjasama dengan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang mana peserta program akan diberi latihan dan elaun bulanan serta komisen atas jualan dengan memasarkan dan mempromosikan produk Simpan SSPN Plus.

#### 2) Apakah kelebihan yang diperolehi oleh peserta GEMS dengan menyertai program ini?

Kelebihan yang diperolehi para peserta dengan menyertai program GEMS adalah seperti berikut:

- a) Perlindungan takaful percuma (untuk tempoh 12 bulan);
- b) Berpeluang menerima komisen lumayan;
- c) Tanpa modal perniagaan;
- d) Waktu kerja fleksibel;
- e) Sokongan pemasaran berterusan;
- f) Latihan/bimbingan diberikan;
- g) Sijil boleh digunakan memohon *MicroCredential* jika peserta menyambung pengajian ke peringkat Sarjana di Universiti Malaysia Kelantan;
- h) Pasaran luas tanpa sempadan;
- i) Tidak melibatkan transaksi tunai;
- j) Produk Simpan SSPN Plus telah dikenali; dan
- k) Produk patuh Syariah.

## BAHAGIAN 2 : TAWARAN PROGRAM, PENDAFTARAN & UJIAN PSIKOMETRIK

### 3) Apakah syarat-syarat kelayakan peserta untuk menyertai program GEMS?

Syarat-syarat kelayakan adalah seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur 18 tahun dan ke atas;
- c) Lepasan Ijazah Sarjana Muda (Aliran Sastera) bergraduat tahun 2019 dan 2020 ;
- d) Merupakan peminjam PTPTN;
- e) Berstatus Tamat Pengajian dalam rekod PTPTN dan bayaran balik pinjaman;
- f) Mempunyai minat yang tinggi dalam bidang pemasaran digital dan aktif menggunakan media sosial; dan
- g) Tidak berstatus muflis.

### 4) Bagaimanakah cara untuk saya memohon program ini?

PTPTN akan menghantar tawaran program menerusi e-mel kepada peminjam yang memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Selanjutnya permohonan boleh dilakukan dengan melengkapkan borang yang disertakan dan hantar dalam tempoh yang ditetapkan.

### 5) Sekiranya saya tidak menerima e-mel tawaran, adakah saya boleh memohon dengan mengemukakan rayuan?

Sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan kerana hanya peserta yang memenuhi syarat kelayakan sahaja ditawarkan untuk program ini.

### 6) Saya telah menerima tawaran PTPTN mengenai program ini. Walau bagaimanapun saya terlupa hendak membuat pendaftaran dalam tempoh yang diberikan. Adakah saya masih boleh membuat rayuan?

Sebarang rayuan selepas tempoh pendaftaran tidak akan dipertimbangkan.

### 7) Saya telah bekerja tetapi saya menerima e-mel tawaran menyertai program ini. Jika saya berminat, adakah saya boleh membuat pendaftaran?

Boleh. Program ini boleh dibuat secara sambilan. Walau bagaimanapun sepanjang program berlangsung, peserta hendaklah memberikan komitmen dengan mengikuti semua program latihan yang dianjurkan dan melakukan pemasaran bagi mendapatkan pelanggan dalam tempoh 12 bulan yang ditetapkan.

### 8) Saya tidak berminat dengan tawaran program ini. Adakah saya boleh majukan tawaran program ini kepada rakan-rakan yang lain?

Tidak boleh kerana tawaran hanya untuk peminjam yang layak sahaja.

- 9) Saya telah menghantar borang pendaftaran setelah membaca maklumat program yang diberikan ingin menarik balik pendaftaran tersebut. Adakah saya boleh melakukan demikian?**

Boleh. Pendaftaran boleh dibatalkan dengan mengemukakan e-mel kepada [programgems@ptptn.gov.my](mailto:programgems@ptptn.gov.my). Bagi mengelakkan perkara seumpama ini berlaku, peminjam dinasihatkan untuk membaca dan memahami terlebih dahulu maklumat program yang diberikan sebelum membuat pendaftaran.

- 10) Saya telah beberapa kali klik pautan untuk pengisian borang pendaftaran tetapi tidak berjaya.**

**Apakah yang perlu saya lakukan?**

Peserta perlu mengemukakan aduan kepada PTPTN melalui e-mel di [programgems@ptptn.gov.my](mailto:programgems@ptptn.gov.my) dalam tempoh pendaftaran yang ditetapkan

- 11) Saya hanya mengisi borang pendaftaran tetapi terlupa menjawab ujian psikometrik. Adakah saya akan terpilih menjadi peserta program?**

Tidak terpilih. Selepas menghantar borang pendaftaran, peserta **WAJIB** melakukan ujian psikometrik dengan klik link yang diberikan. Ujian psikometrik ini bertujuan menilai minat keusahawan yang ada di dalam diri peserta. Ini kerana hanya 500 peserta sahaja akan dipilih menyertai program ini.

- 12) Bagaimana saya akan ketahui saya berjaya atau tidak di dalam pemilihan ini?**

Peserta yang berjaya akan menerima e-mel tawaran sebagai peserta dan selanjutnya akan menyertai sesi taklimat dan latihan intensif selama 24 hari secara online mengikut jadual yang akan diberikan. Sekiranya dalam tempoh **90 Hari** tiada sebarang e-mel tawaran diterima, permohonan dianggap tidak berjaya.

- 13) Adakah sebarang kos dikenakan untuk menyertai program ini?**

Tiada sebarang kos dikenakan kepada peserta program.

## BAHAGIAN 3 : PENYERTAAN DAN MANFAAT PROGRAM

- 14) Saya telah menerima e-mel tawaran untuk menjadi peserta dan telah mendengar taklimat pengenalan yang diberikan. Setelah mendengar taklimat ini, saya tidak berminat untuk menyertai program ini. Adakah saya boleh menarik diri?**

Boleh. Peserta perlu menghantar makluman penarikan diri dengan mengemukakan e-mel kepada [programgems@ptptn.gov.my](mailto:programgems@ptptn.gov.my) sebelum latihan intensif bermula.

- 15) Saya telah menerima jadual latihan intensif selama 24 (Dua Puluh Empat) hari. Adakah saya perlu hadir ke semua sesi latihan?**

Ya. Peserta program **WAJIB** menghadiri kesemua sesi latihan yang telah ditetapkan. Kegagalan peserta boleh menyebabkan peserta digugurkan daripada program ini.

- 16) Saya telah menghadiri kesemua sesi latihan dengan jayanya dan ini bermakna saya telah berjaya menjadi peserta program ini. Apakah tugas dan tanggungjawab saya sebagai peserta?**

Tugas dan tanggungjawab yang perlu diikuti oleh setiap peserta adalah seperti berikut :

- a) Menandatangani Surat Akuanji yang akan diberikan kepada semua peserta dan patuh kepada akuanji tersebut;
- b) Merupakan wakil PTPTN untuk memasarkan produk Simpan SSPN Plus;
- c) Menggunakan garis panduan/ informasi yang ditetapkan oleh PTPTN dari semasa ke semasa;
- d) Tidak dibenarkan mengutip wang tunai atau apa-apa bentuk pembayaran bagi tujuan pembukaan atau penambahan deposit Simpan SSPN Plus. Transaksi hanya melalui *online* di saluran yang ditetapkan oleh PTPTN; dan
- e) Akan menanggung sendiri sebarang kos promosi seperti talian internet, pengiklanan *online*, pencetakan bahan promosi dan sebagainya (sekiranya ada).

- 17) Adakah sijil akan diberikan untuk latihan intensif ini?**

Ya. Peserta yang berjaya menamatkan kursus intensif selama 24 (dua puluh empat) hari akan diberikan Sijil Penyertaan yang boleh digunakan untuk permohonan penolakan jam kredit (*micro-credential*) sekiranya peserta menyambung pengajian ke peringkat Sarjana di Universiti Malaysia Kelantan.

**18) Apakah langkah seterusnya setelah saya berjaya menghadiri sesi latihan intensif ini?**

Langkah seterusnya adalah :

- a) Bersetuju dengan terma dan syarat Surat Akujanji dan diberikan nombor pengenalan ejen (ID) program;
- b) Setiap peserta akan dibimbing oleh seorang mentor yang terdiri daripada Pengurus Cawangan PTPTN. Semakan maklumat mentor perlu dilakukan dan selanjutnya melaporkan diri kepada mentor yang ditetapkan.
- c) Memasarkan produk Simpan SSPN Plus dan akan menerima elaun dan komisen atas jualan dalam tempoh 12 bulan.
- d) PTPTN akan menolak **RM30** daripada elaun yang diterima untuk tujuan simpanan di dalam akaun Simpan SSPN Plus sepanjang tempoh program.

**19) Bilakah saya akan menerima elaun pertama saya?**

Peserta akan menerima elaun pertama setelah menandatangani akujanji dan melapor diri kepada mentor yang ditetapkan.

**20) Bolehkan saya membuat pindaan terhadap nombor akaun bank yang diberikan sebelum ini dalam borang pendaftarab untuk tujuan pembayaran elaun dan komisen?**

Boleh. Peserta hanya perlu e-mel kepada [programgems@ptptn.gov.my](mailto:programgems@ptptn.gov.my) sebelum elaun pertama dibuat.

**21) Adakan pembayaran elaun bulanan dan komisen akan dibayar bersekali?**

Tidak. Pembayaran elaun bulanan akan dibayar pada bulan pertama setelah peserta melapor diri kepada mentor masing-masing manakala komisen pula akan dibayar setiap 20hb bulan berikutnya.

**22) Adakah peserta program perlu mencapai sasaran tertentu bagi melayakan pembayaran elaun dan komisen?**

Tiada sasaran ditetapkan. Walau bagaimanapun sekiranya peserta program gagal mendapatkan sebarang jualan akaun Simpan SSPN Plus dalam tempoh tiga (3) bulan berturut-turut, peserta akan digugurkan dan pembayaran elaun dan komisen juga akan dihentikan.

**23) Untuk melaksanakan kerja-kerja promosi, adakah saya akan dibekalkan bahan-bahan untuk tujuan ini?**

Ada. Sebarang maklumat yang diperlukan oleh peserta untuk tujuan pemasaran boleh diperolehi pada mentor masing-masing.

**24) Bolehkah saya menarik diri setelah beberapa bulan menyertai program ini?**

Tidak Boleh. Peserta perlu mengikuti program ini sehingga selesai.

**25) Adakah peserta program dilindungi manfaat takaful?**

Ya. Semua peserta program akan dilindungi dengan manfaat takaful daripada pembukaan akaun Simpan SSPN Plus dan juga manfaat takaful berkelompok secara **PERCUMA** sepanjang tempoh 12 bulan menjadi peserta program.

**26) Saya telah menerima komisen pertama saya walau bagaimanapun semakan saya mendapati jumlah komisen yang diterima tidak sama dengan jumlah pembukaan akaun yang saya rekod?**

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan perbezaan komisen:

- a) Pendeposit menutup akaun dalam tempoh 15 hari selepas pembukaan akaun;
- b) Pendeposit membuka semula akaun yang telah ditutup untuk penerima manfaat/ dirisendiri yang sama dalam tempoh setahun; dan
- c) Terdapat kesilapan dalam pembukaan akaun yang menyebabkan akaun perlu ditutup.

**27) Sekiranya saya dibenarkan oleh PTPTN untuk menarik diri dari program dengan sebab tertentu, adakah elaun bulanan saya diteruskan sehingga tamat tempoh program?**

Tidak. Semua peserta program tidak dibenarkan menarik diri kecuali dengan kebenaran khas oleh PTPTN. Walau bagaimanapun manfaat takaful berkelompok dan pemberian elaun akan dihentikan serta merta.

**28) Sekiranya saya gagal mendapat sebarang jualan akaun Simpan SSPN Plus untuk tempoh 3 bulan berturut-turut, adakah saya akan digugurkan daripada program dan bolehkan saya membuat rayuan?**

Tidak Boleh. Peserta yang gagal mendapatkan sekurang-kurangnya satu (1) akaun Simpan SSPN Plus untuk tempoh 3 bulan berturut-turut akan digugurkan daripada program ini dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

**29) Sekiranya saya dibenarkan oleh PTPTN untuk menarik diri dari program dengan sebab tertentu, adakah sebarang penalti dikenakan atau saya perlu membayar semula semua elaun yang telah diterima?**

Tidak. Peserta tidak dikenakan sebarang penalti atau membayar semula kos-kos program termasuk elaun yang telah diterima.

## BAHAGIAN 4 : PENEMPATAN DAN PENAMATAN PROGRAM

- 30) Saya telah digandingkan dengan seorang mentor cawangan PTPTN Johor berdasarkan alamat pada pengkalan data PTPTN tetapi kini saya menetap di Kuala Lumpur. Perlukah saya membuat pertukaran mentor dan jika ya bagaimana cara untuk saya menukar mentor saya?**

Perlu. Peserta hendaklah membuat pertukaran mentor dengan mengemukakan e-mel kepada [programgems@ptptn.gov.my](mailto:programgems@ptptn.gov.my) sebelum melaporkan diri kepada mentor yang ditetapkan.

- 31) Saya mendapati mentor saya tidak banyak membantu saya. Bolehkah saya memohon pertukaran mentor?**

Tidak Boleh. Peserta hanya boleh mengemukakan aduan kepada [programgems@ptptn.gov.my](mailto:programgems@ptptn.gov.my) untuk tindakan lanjut PTPTN.

- 32) Sekiranya saya mempunyai masalah untuk menjawab sebarang aduan/ pertanyaan daripada pelanggan saya, siapakah yang boleh membantu saya?**

Mentor. Sebarang masalah yang dihadapi oleh peserta mahupun pelanggan peserta hendaklah dirujuk kepada mentor masing-masing.

- 33) Bolehkah saya berjumpa mentor saya ?**

Boleh. Peserta boleh berjumpa dengan mentor masing-masing mengikut kesesuaian masa dan persetujuan mentor.

- 34) Bolehkah saya melakukan kerja-kerja promosi ini di pejabat cawangan mentor saya?**

Tidak Boleh. Peserta program bukanlah kakitangan PTPTN dan tidak dibenarkan melakukan kerja-kerja promosi di mana-mana pejabat cawangan PTPTN ataupun menggunakan kemudahan di pejabat PTPTN.

- 35) Saya ada menerima e-mel daripada PTPTN untuk saya mengisi akujanji tamat program tetapi saya lupa untuk berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan. Adakah saya akan dikenakan tindakan tertentu?**

Elaun bulanan pada bulan ke 12 tidak akan dibayar. Peserta hendaklah menghantar akujanji yang diberikan dalam tempoh yang ditetapkan bagi memastikan elaun terakhir tersebut diterima oleh peserta.

- 36) Saya mendapati bahawa program ini banyak membantu saya dalam menjana pendapatan sampingan. Bolehkah saya terus mempromosikan produk Simpan SSPN Plus ini dan menikmati manfaat yang diperolehi sepanjang program walaupun program ini telah tamat?**

Boleh. Peserta boleh menjadi Rakan Plus PTPTN dengan terus mempromosikan produk Simpan SSPN Plus dengan hanya menikmati komisen atas jualan sahaja. Manfaat takaful berkelompok dan elaun bulanan akan terhenti selepas tamat tempoh program.

- 37) Saya telah menunjukkan prestasi yang baik sepanjang program dan telah meneruskan usaha dengan menjadi Rakan Plus PTPTN. Adakah saya akan diberi keutamaan untuk mengisi kekosongan jawatan di PTPTN?**

Tidak. Tiada sebarang keutamaan atau keistimewaan diberikan untuk pengisian penjawatan di PTPTN.

